



# MEMO

**PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM)**

TARIKH	: 24 MAC 2023
KEPADA	: SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN
PERKARA	: <b>POLISI TUNTUTAN BAYARAN BALIK MELIBATKAN PEMERIKSAAN KESIHATAN (CLASS 1 &amp; 3 <i>MEDICAL ASSESSMENT</i>) BAGI PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA DAN JURUTERBANG</b>
NO RUJUKAN	: CAAM/CEO/600-2/8/1 (5)

YBrs. Kapten/ Tuan/ Puan,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan keputusan Mesyuarat Pihak Berkuasa bertarikh 21 Februari 2023, bersama-sama ini disertakan Polisi Tuntutan Bayaran Balik Melibatkan Pemeriksaan Kesihatan (Class 1 & 3 *Medical Assessment*) bagi Pegawai Kawalan Trafik Udara dan Juruterbang dan tatacara Kebenaran pembayaran tuntutan perjalanan bagi pegawai yang menjalankan pemeriksaan kesihatan (Class 1 & 3 *Medical Assessment*) sebagai tugas rasmi selaras dengan Pekeliling WP1.4. untuk diedarkan dan hebahan kepada pegawai dan kakitangan di bawah seliaan Kapten/ tuan/ puan.
  
3. Polisi ini bertujuan untuk memberi penerangan yang jelas berkenaan urusan tuntutan bayaran balik melibatkan pemeriksaan kesihatan (Class 1 & 3 *Medical Assessment*) bagi Pengawal Trafik Udara dan Juruterbang di Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Penerangan ini merangkumi dasar, pelaksanaan dan tatacara yang sekaligus menjamin pengurusan yang terurus dan teratur.

4. Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa pada 24 Mac 2023.

Kerjasama dan keprihatinan pihak YBrs. Kapten/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD)**

Ketua Pegawai Eksekutif

Pihak Berkuasa Penerangan Awam Malaysia

## **SENARAI EDARAN**

1. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi)
2. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal selia)
3. Pengarah  
Bahagian Operasi Penerbangan
4. Pengarah  
Bahagian Operasi Perkhidmatan Navigasi Udara
5. Pengarah  
Bahagian Perkhidmatan Pemaliman Udara dan Aerodrome
6. Pengarah  
Akademi Penerbangan Malaysia (MaVA)
7. Pejabat Wilayah Sabah
8. Pejabat Wilayah Sarawak
9. Pengarah  
Bahagian Pengurusan Kewangan
10. Pengarah  
Bahagian Khidmat Pengurusan



**POLISI**

**TUNTUTAN BAYARAN BALIK  
MELIBATKAN  
PEMERIKSAAN KESIHATAN  
(CLASS 1 & 3 MEDICAL ASSESSMENT)  
BAGI PENGAWAL TRAFIK UDARA DAN  
JURUTERBANG**

**PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM  
MALAYSIA**

**MUKA SURAT DIBIARKAN KOSONG**



## Pengenalan

Polisi ini bertujuan untuk memberi penerangan yang jelas berkenaan urusan tuntutan bayaran balik melibatkan pemeriksaan kesihatan (*Class 1 & 3 Medical Assessment*) bagi Pengawal Trafik Udara dan Juruterbang di Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Penerangan ini merangkumi dasar, pelaksanaan dan tatacara yang sekaligus menjamin pengurusan yang terurus dan teratur.

Pemeriksaan kesihatan (*Class 1 & 3 Medical Assessment*) bagi Pengawal Trafik Udara dan Juruterbang merupakan keperluan dalam pembaharuan lesen. Adalah menjadi tanggungjawab bagi Pengawal Trafik Udara dan Juruterbang untuk memastikan bahawa lesen mereka diperbaharui iaitu dengan melakukan pemeriksaan kesihatan mengikut tempoh yang tertera di dalam sijil kesihatan di dalam buku lesen. Pemeriksaan kesihatan ini hanya boleh dilakukan di klinik-klinik DME yang diluluskan oleh CAAM. Kegagalan untuk memperbaharui lesen mengikut tempoh yang ditetapkan akan menghalang pegawai-pegawai ini dari menjalankan tugas operasi mereka.

Polisi ini juga turut menerangkan tatacara permohonan tuntutan bayaran balik bagi pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) yang dikemaskini dan diselaras agar proses tuntutan lebih ringkas dan jitu selari dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia.



(Kapten Norazman Mahmud)  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Pihak Berkuasa Penerbangan Malaysia

## **Rekod Pindaan**

Pindaan kepada polisi ini hendaklah dibuat oleh kakitangan yang diberi kuasa sahaja. Selepas pindaan dilakukan, masukkan data pindaan yang diperlukan dalam helaian pindaan di bawah. Tandatangan perlu ditandatangani oleh kakitangan yang bertanggungjawab terhadap perubahan itu.



---

## 1 LATAR BELAKANG

Polisi ini bertujuan memberi penjelasan mengenai dasar, pelaksanaan dan tatacara urusan tuntutan bayaran balik melibatkan pemeriksaan kesihatan (*Class 1 & 3 medical assessment*) bagi Pengawal Trafik Udara dan Juruterbang di Pihak Berkuasa Penerangan Awam Malaysia (CAAM) untuk memastikan ianya dapat diuruskan dengan cekap dan seragam.

## 2 TAFSIRAN

Dalam polisi ini:

**Ketua Jabatan** bermaksud:

- a. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
- b. Pengarah Bahagian/Cawangan
- c. Pengurus Lapangan Terbang

**Klinik** bermaksud klinik-klinik yang diluluskan oleh CAAM untuk proses pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) seperti yang dinyatakan dalam CAAM Advisory Information - Designated Medical Examiners (DME) (**Lampiran A**)

**Pegawai** bermaksud Pengawal Trafik Udara atau Juruterbang yang akan membuat sebarang tuntutan bayaran balik setelah membuat pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*)

**Stesen** bermaksud tempat di mana pegawai bekerja sama ada di Ibu Pejabat, mana-mana bahagian/unit CAAM, pusat kawalan atau menara kawalan di seluruh Malaysia.

**Tugas Rasmi** bermaksud tugas yang berkaitan dengan tugas hakiki pegawai.

## 3 OBJEKTIF

Polisi ini dilaksanakan untuk:

- i. menjadi rujukan jelas dan telus berkenaan proses tuntutan bayaran balik yang melibatkan pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) bagi Pengawal Trafik Udara dan Juruterbang yang dikuatkuasakan di CAAM; dan
- ii. memelihara etika dan integriti dalam urusan Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri untuk pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*)



## 4 PEMERIKSAAN KESIHATAN BAGI KEPERLUAN PEMBAHARUAN LESEN

Setiap Pegawai perlu membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala mengikut tempoh masa yang ditetapkan (seperti yang tertera di dalam sijil kesihatan di dalam buku lesen) untuk urusan pembaharuan lesen mengikut ketetapan dalam CAD 1004 – *Medical Requirements* [5].

### 4.1 Kelayakan Tuntutan Bayaran Untuk Urusan Pembaharuan Lesen Kesihatan (*Class 1 & 3 Medical Assessment*) Bagi Pengawal Trafik Udara Dan Juruterbang

Berdasarkan surat daripada pihak JPA bertajuk “Pemeriksaan Kesihatan Pegawai Trafik Udara dan Juruterbang, Jabatan Penerbangan Awam” (**Lampiran B**):

*“Perbelanjaan yang berkenaan bagi maksud pemeriksaan yang ditetapkan bolehlah ditanggung daripada peruntukan Jabatan Penerbangan Awam. Adalah difahamkan bahawa pegawai berkenaan yang belum mencapai umur 40 tahun akan dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan dua tahun sekali dan mereka yang berusia 40 tahun ke atas setahun sekali.*

*Sehubungan dengan perkara ini pihak Tuan diminta supaya menyemak dengan Kementerian Kesihatan (Bahagian Perkhidmatan Perubatan) dari semasa ke semasa untuk memastikan samada kemudahan tersebut boleh dilaksanakan oleh pihaknya. Pemeriksaan dengan pihak swasta boleh diteruskan sehingga ianya boleh dilaksanakan di hospital-hospital Kerajaan”.* Oleh yang demikian, tuntutan pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) yang dibuat oleh Pengawal Trafik Udara dan Juruterbang adalah **DIBENARKAN**. Proses tuntutan bayaran untuk pemeriksaan kesihatan boleh dirujuk pada **Lampiran C** menggunakan borang seperti di **Lampiran D**.

### 4.2 Kelayakan Bagi Tuntutan Bayaran Pemeriksaan Kesihatan (*Class 1 & 3 Medical Assessment*) Yang Memerlukan Pemeriksaan Kesihatan Susulan

Tuntutan bayaran pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) untuk Pegawai diberikan **SEKALI SAHAJA** bagi setiap kali pembaharuan lesen bagi (seperti yang tertera di dalam sijil kesihatan di dalam buku lesen). Sebarang tuntutan bayaran untuk keperluan pemeriksaan kesihatan susulan bagi pembaharuan lesen adalah **TIDAK DIBENARKAN**.



---

**5 TUNTUTAN BERTUGAS RASMI DALAM NEGERI UNTUK PEMERIKSAAN KESIHATAN (CLASS 1 & 3 MEDICAL ASSESSMENT) BAGI PENGAWAL TRAFIK UDARA DAN JURUTERBANG**

Pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) adalah **DIPERSETUJUI ATAS DASAR KEMUDAHAN** kepada pegawai yang mana tiada klinik DME yang berdekatan dengan stesen tempat bekerja.

**5.1 Kelayakan Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri Untuk Pemeriksaan Kesihatan (Class 1 & 3 Medical Assessment)**

Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri hanya dibenarkan bagi tuntutan yang memenuhi syarat -syarat berikut:

- i. tidak ada sebarang klinik (yang diluluskan oleh CAAM seperti di dalam **Lampiran A**) untuk melakukan pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) di dalam **JARAK 25KM (RADIUS)** dari stesen tempat pegawai bekerja (**Lampiran G**); dan
- ii. pegawai menerima kelulusan Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri dari Ketua Jabatan **SEBELUM** melakukan pemeriksaaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*); dan
- iii. pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) dilakukan di klinik yang diluluskan oleh CAAM (**Lampiran A**) sahaja; dan
- iv. merupakan pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) kali pertama untuk tempoh pembaharuan lesen (seperti yang tertera di dalam sijil kesihatan di dalam buku lesen).

Proses tuntutan bayaran bagi Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri untuk pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) boleh dirujuk pada **Lampiran E** menggunakan borang seperti di **Lampiran F**.

**5.2 Ketetapan Bagi Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri Bagi Pemeriksaan Kesihatan (Class 1 & 3 Medical Assessment)**

Atas dasar faktor penjimatan untuk pihak CAAM, pegawai dan ketua jabatan perlulah memastikan bahawa tuntutan adalah teratur, munasabah dan berpatutan. Ketetapan bagi tuntutan ini adalah:



- 
- i. hanya untuk pegawai yang layak memohon Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri sahaja seperti di **Perkara 5.1**;
  - ii. pegawai dibenarkan membeli sendiri tiket penerbangan daripada syarikat penerbangan atau agensi pelancongan yang menawarkan harga yang lebih rendah dan memberikan penjimatan berbanding menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam. Bagi Waran Perjalanan Udara Awam, semua tiket penerbangan adalah **KELAS EKONOMI TANPA MENGIRA GRED [3]**.
  - iii. tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan hanya akan dikira berdasarkan:
    - jarak antara klinik dan stesen; atau
    - jarak antara klinik dan alamat rumah pegawai; atau
    - yang mana lebih dekat dan menjimatkan CAAM
  - iv. tuntutan bayaran penginapan adalah berdasarkan harga yang paling menjimatkan CAAM dan berada dalam lingkungan yang munasabah dari klinik

### 5.3 Tuntutan Yang Tidak Layak Bagi Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri Untuk Pemeriksaan Kesihatan (*Class 1 & 3 Medical Assessment*)

Tuntutan yang tidak layak adalah yang melibatkan:

- i. Pegawai yang **TIDAK MENDAPAT KELULUSAN** dari Ketua Jabatan untuk kelayakan Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri **SEBELUM** melakukan pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*); atau
- ii. Pemeriksaan kesihatan yang dilakukan tidak mengikut tempoh masa seperti yang tertera di dalam sijil kesihatan di dalam buku; atau
- iii. Pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) bukan merupakan pemeriksaan kesihatan kali pertama dalam tempoh masa yang tertera di dalam sijil kesihatan di dalam buku lesen

### 5.4 Tempoh Permohonan Untuk Kelayakan Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri Bagi Pemeriksaan Kesihatan (*Class 1 & 3 Medical Assessment*)

Pegawai perlu memastikan bahawa tempoh permohonan untuk kelayakan Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri untuk pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) adalah mengambil kira tempoh **PEMERIKSAAN KESIHATAN (CLASS 1 & 3 MEDICAL ASSESSMENT) DAN PROSES PEMBAHARUAN LESEN OLEH BAHAGIAN OPERASI PENERBANGAN SERTA BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEMALIMAN UDARA & AERODROME**; dimana kedua-duanya perlu dilakukan sebelum tamat tempoh lesen.



---

**5.5 Pematuhan Terhadap Kelulusan Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri Bagi Pemeriksaan Kesihatan (Class 1 & 3 Medical Assessment)**

Mana-mana pegawai yang diberi kelulusan Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri oleh Ketua Jabatan untuk pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) hendaklah mematuhi arahan tersebut.

**5.6 Pertukaran atau Pembatalan Terhadap Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri Bagi Pemeriksaan Kesihatan (Class 1 & 3 Medical Assessment)**

Sebarang pertukaran atau pembatalan untuk kelulusan yang telah diberikan oleh Ketua Jabatan untuk Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri bagi pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) adalah **TIDAK DIGALAKKAN**.

**6 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab dalam memastikan perkara-perkara berikut:

- i. memberi kelulusan kepada pegawai bagi Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri untuk pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) mengikut ketetapan di **Perkara 4.2** dan **Perkara 5.1 – 5.4**; dan
- ii. pengurusan waran udara kepada pegawai yang jauh dari klinik (mengikut kesesuaian); dan
- iii. memastikan tuntutan yang dikemukakan oleh pegawai adalah teratur, munasabah dan berpatutan

**7 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI**

Pegawai adalah bertanggungjawab dalam memastikan perkara-perkara berikut:

- i. Mengakui bahawa tanggungjawab untuk melakukan pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) sebelum tamat tempoh lesen adalah tanggungjawab pegawai
- ii. Pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) dan proses pembaharuan lesen oleh **BAHAGIAN OPERASI PENERBANGAN SERTA BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEMALIMAN UDARA & AERODROME** dilakukan sebelum tamat tempoh lesen.



- 
- iii. memastikan kelulusan Ketua Jabatan untuk Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri bagi pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) diperolehi sebelum melakukan pemeriksaan kesihatan;
  - iv. mengikut arahan pemeriksaan kesihatan seperti mana yang telah diarahkan oleh Ketua Jabatan (jika berkaitan);
  - v. membuat tuntutan bayaran berkaitan dengan pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) mengikut ketetapan di **Perkara 4.3** dan **Perkara 5.1 – 5.4**;
  - vi. tuntutan yang dikemukakannya adalah teratur, munasabah, berpatutan dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa

## 8 TARIKH PENGUATKUASAAN

Polisi Tuntutan Bayaran Balik Melibatkan Pemeriksaan Kesihatan (*Class 1 & 3 Medical Assessment*) Bagi Pengawal Trafik Udara Dan Juruterbang di CAAM adalah berkuatkuasa mulai **24 Mac 2023**.

## 9 PEMBATALAN SEMUA ARAHAN DAN GARIS PANDUAN BERKENAAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK MELIBATKAN PEMERIKSAAN KESIHATAN (*CLASS 1 & 3 MEDICAL ASSESSMENT*) BAGI PENGAWAL TRAFIK UDARA DAN JURUTERBANG

Polisi ini membatalkan sebarang arahan atau garis panduan tuntutan bayaran balik melibatkan pemeriksaan kesihatan (*class 1 & 3 medical assessment*) bagi Pengawal Trafik Udara dan Juruterbang yang telah diluluskan atau dikuatkuasakan sebelum ini.

**RUJUKAN:**

- 1) Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Kuat Kuasa 1 Januari 2022 – Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera dan Polis)
- 2) Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Bertukar/Berpindah Rumah
- 3) Pekeliling Perbendaharaan Malaysia dikmeaskini 14 Julai 2022 - Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam
- 4) *Civil Aviation Directive 1* dikemaskini pada 15 November 2022 – *Personel Licensing*
- 5) *Civil Aviation Directive 1004* dikemaskini pada 1 April 2021 – *Medical Requirements*
- 6) *Civil Aviation Directive 1201* dikemaskini pada 15 November 2022 – *ATC Licensing*

**SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN	PERKARA
A	<b><i>Advisory Information - CAAM Approved Designated Medical Examiners</i></b>
B	<b>Surat JPA - Pemeriksaan Kesihatan Pegawai Trafik Udara dan Juruterbang, Jabatan Penerbangan Awam</b>
C	<b>Carta Alir Proses Tuntutan Perubatan (<i>Medical Class 1 &amp; 3</i>)</b>
D	<b>Borang Kelayakan Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri Bagi Pemeriksaan Kesihatan (<i>Class 1 &amp; 3 Medical Assessment</i>) Untuk Pengawal Trafik Udara &amp; Juruterbang</b>
E	<b>Carta Alir Pemeriksaan Kesihatan (<i>Class 1 &amp; 3 Medical Assessment</i>) &amp; Tuntutan Bayaran Balik</b>
F	<b>Borang Tuntutan Bayaran Balik Pemeriksaan Kesihatan Bagi Pengawal Trafik Udara &amp; Juruterbang</b>
G	<b>Kelayakan Stesen Bagi Tuntutan Bertugas Rasmi Dalam Negeri Untuk Pemeriksaan Kesihatan (<i>Class 1 &amp; 3 Medical Assessment</i>) Bagi Pengawal Trafik Udara Dan Juruterbang</b>

## **ADVISORY INFORMATION 05/2021 REV 5**

*7 February 2023*



## **DESIGNATED MEDICAL EXAMINERS APPROVED BY CAAM**

### **1 Introduction**

- 1.1 This Advisory Information (AI) is to notify the aviation industry on the updated list of local and foreign doctors as Designated Medical Examiners (DMEs) approved by the Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) for holders of Malaysian Flight Crew Licences, Air Traffic Control Licences and Cabin Crew. The list of approved DMEs can be referred to in the Appendices page.

### **2 Requirements**

- 2.1 Regulation 60 of the Civil Aviation Regulation 2016 (CAR 2016) stipulates that a holder of a licence under Regulation 59 of CAR 2016, other than a flight radiotelephony operator, shall not perform any of the functions to which the licence relates unless it includes an appropriate valid medical certificate issued by a medical examiner approved by CAAM.
- 2.2 Regulation 60A(1) of CAR 2016 further stipulates that no person shall act as a medical examiner under Regulation 60 of CAR 2016 except with the approval of CAAM.
- 2.3 This AI should be read in conjunction with Civil Aviation Directives (CAD 1004) – Medical Requirements which contains the medical requirements for licence holders, cabin crew and DMEs.

### **3 Designated Medical Examiners**

- 3.1 Lists of DMEs located in Peninsular Malaysia, East Malaysia (Sabah and Sarawak) and Singapore are included in the Appendices.
- 3.2 Advisory Information 05/2021 Rev 4 dated 08 December 2022 is hereby superseded.



**CAPTAIN NORAZMAN MAHMUD**  
Chief Executive Officer  
for Civil Aviation Authority of Malaysia  
7 February 2023

The image shows a handwritten signature in black ink, which appears to read "NORAZMAN MAHMUD". Below the signature, the name "CAPTAIN NORAZMAN MAHMUD" is printed in a bold, uppercase font. Underneath that, the title "Chief Executive Officer" and the organization "for Civil Aviation Authority of Malaysia" are printed. At the bottom, the date "7 February 2023" is also printed.

## **Appendices**

Appendix A – Medical Assessors for Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM). Initial and renewal of Class 1, Class 2, Class 3 and Cabin Crew medical certificates

Appendix B – Initial and renewal of Class 1, Class 2, Class 3 and Cabin Crew medical certificates in Peninsular Malaysia;

Appendix C – Initial and renewal of Class 1, Class 2, Class 3 and Cabin Crew medical certificates in Sabah, Malaysia;

Appendix D – Initial and renewal of Class 1, Class 2, Class 3 and Cabin Crew medical certificates in Sarawak Malaysia;

Appendix E – Initial and renewal of Class 1, Class 2, Class 3 and Cabin Crew medical certificates in Singapore.

Appendix F – Aviation Ophthalmologist.

## Appendix A

No .	Doctors	Address	For appointment	Valid till	DME Stamp No.
1.	Dr. Ng Ling Seow (Chief Medical Assessor)	Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) No 27 Persiaran Perdana Level 2, Podium B 62618 Putrajaya  And  Twin Towers Medical Centre Lot LC-402 – 404, 4th Floor, Suria KLCC, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur.	Tel: 03-2382 3577 or 03-2382 3509  Mob: 016-509 5084  e-mail: <a href="mailto:ng.seow@caam.gov.my">ng.seow@caam.gov.my</a> <a href="mailto:myttmc.hspklcc@ttmc.com.my">myttmc.hspklcc@ttmc.com.my</a>	14 July 2024	8

**Appendix B**

No .	Doctors	Address	For appointment	Valid till	DME Stamp No.
1.	Dr.Badhesha Jagdev Singh	DRS Young Newton & Partners. 48 Jalan 52/4, 46200 Petaling Jaya, Selangor	Tel: 03-7956 6878  Fax: 03-7954 2655  e-mail: <a href="mailto:bjsingh@pc.jaring.asia">bjsingh@pc.jaring.asia</a>	18 May 2024	1
2.	Datuk Dr. Dalbir Singh Sagoo	Twin Towers Medical Centre Lot LC-402 – 404, 4th Floor, Suria KLCC, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur.	Tel: 03-2382 3577 or 03-2382 3509  Mob: 013-2388 716  Fax: 03-2382 9000  e-mail: <a href="mailto:sdalbir97@gmail.com">sdalbir97@gmail.com</a> <a href="mailto:myttmc.hspklcc@ttmc.com.my">myttmc.hspklcc@ttmc.com.my</a>	26 April 2025	2
3.	Brig. Gen. (Dr) Mohammed Haizar bin Haron	Institut Perubatan Penerangan d/a Pangkalan Udara Subang 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	Tel: 03-7841 7186 or 03-7841 7178  e-mail: <a href="mailto:drhaizar@yahoo.com">drhaizar@yahoo.com</a> <a href="mailto:drhaizar@gmail.com">drhaizar@gmail.com</a>	26 April 2025	3
4.	Dr. Kee Peng Leong	DRS Young, Newton & Partners 48 Jalan 52/4, 46200 Petaling Jaya, Selangor	Tel: 03-7956 9400  Fax: 03-7956 2553  e-mail: <a href="mailto:drplkee@gmail.com">drplkee@gmail.com</a>	26 April 2025	5
5.	Dr. Khairul Anuar bin Md Nor	Khairul Nor MD Occupational Health Clinic G-03, Block 1, TTDI Adina Shop Office 11, Jalan Judo 13/45, Section 13, 40100 Shah Alam, Selangor	Tel: 03-5889 5201  e-mail: <a href="mailto:khairul.nor.practic@gmail.com">khairul.nor.practic@gmail.com</a>	26 April 2025	9
6.	Dr. Ernest Yong Foo Yuen	Klinik Yong 2nd Floor, Wisma Maran, No. 28 Medan Pasar, 50050 Kuala Lumpur	Tel: 03-2070 9742  Fax: 03 2031 0487  e-mail: <a href="mailto:klkyong8@gmail.com">klkyong8@gmail.com</a> <a href="mailto:yongbentengcaam@gmail.com">yongbentengcaam@gmail.com</a>	26 April 2025	11

7.	Dr. K. Shanmuganathan A/L Krisnan	Poliklinik Prime Care Putrajaya No 8, Jalan P8G1, Precinct 8, 62250 Putrajaya	Tel: 03-88618686  Mob: 012-3873807  e-mail: <a href="mailto:drshan88@gmail.com">drshan88@gmail.com</a>	26 April 2025	14
8.	Dr. Piong Chee Liat	Poliklinik Pekan Nenas No 49, Ground Floor, Jalan Permata 4, Pusat Perdagangan Pekan Nenas, Pekan Nenas,Pontian, 81500 Johor	Tel: 07-6996671 or  Fax: 07-6995436  e-mail: <a href="mailto:drshan88@gmail.com">drshan88@gmail.com</a> <a href="mailto:drshan88@gmail.com">drshan88@gmail.com</a> <a href="mailto:pkpn6671@gmail.com">pkpn6671@gmail.com</a>	26 April 2025	22
9.	Lt. Col. (Rtd) Dr Amei Farina Bt Abd Rashid	Afly Clinic, Suite 4803-0-07 CBD, Perdana 1, Persiaran Flora Off Persiaran Multimedia 63000 Cyberjaya, Selangor.	Tel: 03-8322 2603  Mob: 018-777 2603  e-mail: <a href="mailto:admin@aflyaerohealth.com">admin@aflyaerohealth.com</a>	26 Nov 2025	26
10.	Lt. Col (Dr) Noor Saadiah binti Zainal	Institut Perubatan Penerbangan d/a Pangkalan Udara Subang 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	Tel: 03-7841 7186 or 03-7841 7178  e-mail: <a href="mailto:dr_sadie@yahoo.com">dr_sadie@yahoo.com</a> <a href="mailto:norsaadiahzainal79@gmail.com">norsaadiahzainal79@gmail.com</a>	26 April 2025	27
11.	Dato' Dr. Mohammad Razin bin Kamarulzaman	Malaysia Airlines Berhad – Twin Tower Medical Centre Ground Floor, Administration Building, Southern Support Zone KLIA, 64000 Sepang, Selangor	Tel: 03-87772820  Fax: 03-87772761  e-mail: <a href="mailto:drrazin@gmail.com">drrazin@gmail.com</a>	26 April 2025	29
12.	Lt Col (R) Dr Zuki bin Othman	Klinik Bukit Jelutong, Lot 3-G-07, D'Vida Business Park,	Tel: 03-7734 1414  Mob:017-441 7266	09 Feb 2026	31

		Jalan Bazar U8/101A, 40150 Shah Alam, Selangor	Fax: 03-7610 1776  e-mail: <a href="mailto:zukiothman@hotmail.com">zukiothman@hotmail.com</a> <a href="mailto:zukiothman0949@gmail.com">zukiothman0949@gmail.com</a>		
13.	Lt Col (Dr) Siti Mariah binti Hussain	Institut Perubatan Penerbangan d/a Pangkalan Udara Subang 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	Tel: 03-7841 7186 or 03-7841 7178  e-mail: <a href="mailto:mariah.hussain@gmail.com">mariah.hussain@gmail.com</a>	26 Feb 2023	32
14.	Maj (Dr) Munawarah Silam binti Abu Muslim	Institut Perubatan Penerbangan d/a Pangkalan Udara Subang 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	Tel: 03-7841 7186 or 03-7841 7178  e-mail: <a href="mailto:munawwarahsilam@hotmail.co">munawwarahsilam@hotmail.co</a> <a href="mailto:munawwarahsilamabu@gmail.com">munawwarahsilamabu@gmail.com</a>	26 Feb 2023	33
15.	Maj (Rtd) Dr. Mohamad Faisal Bin Aris	Poliklinik An-Nur Desa Pinggiran Putra, No 1&3 (Tingkat bawah), Jalan Pinggiran Putra, 4A/4, Desa Pinggiran Putra, Sungai Merab, 43650 Bangi, Selangor.	Tel: 03-8922 9834  Mob: 019-826 7984  e-mail: <a href="mailto:faisalselangor@gmail.com">faisalselangor@gmail.com</a>	29 June 2024	34
16.	Col. Dr Saravanan a/l Annamalai	Institut Perubatan Penerbangan d/a Pangkalan Udara Subang 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	Tel: 03-7841 7186 or 03-7841 7178  e-mail: <a href="mailto:vananz@yahoo.com">vananz@yahoo.com</a> <a href="mailto:vananz09@gmail.com">vananz09@gmail.com</a>	30 April 2024	36

Appendix C

No .	Doctor	Address	For appointment	Valid till	DME Stamp No.
1.	Dr. Daljit Singh Parmar	Medisinar Klinik & Surgeri Sdn. Bhd. Lot 07, Level 1 International Arrival Lobby, Kota Kinabalu International Airport, 88740 Kota Kinabalu, Sabah	Tel: 088-413 325  Mob: 019-8809 017  Fax: 088-413 724  e-mail: <a href="mailto:parmards@medisinar.com">parmards@medisinar.com</a> <a href="mailto:mks_kkia@medisinar.com">mks_kkia@medisinar.com</a> <a href="mailto:parmardsdr@gmail.com">parmardsdr@gmail.com</a>	26 April 2025	7
2.	Dr. Richard Brendan Barrow	Klinik Sabah 8, Jalan Pantai, Tingkat 1, 88000 Kota Kinabalu, Sabah	Tel: 088-254 190  Mob: 012-866 4334  Fax: 088-264 868  e-mail: <a href="mailto:kliniksabah@gmail.com">kliniksabah@gmail.com</a> <a href="mailto:richardbbarrow@gmail.com">richardbbarrow@gmail.com</a>	26 April 2025	10
3.	Dr. Premananthan A/L Vasuthevan	Premier Polyclinic Kingfisher Lot 21-0, Ground Floor Riverside Plaza Jalan Bangka-Bangka Kuala Inanam 88400 Kota Kinabalu, Sabah	Tel: 088-395 410 or 088-422 100  Fax : 088-422 200  e-mail: <a href="mailto:premierpolyclinic@gmail.com">premierpolyclinic@gmail.com</a>	26 April 2025	16
4.	Dr. Jagajeet Singh A/L Jora Singh	Klinik dan Surgeri Hilltop Lot 19, Block G, Kolam Centre 2, Jalan Lintas Luyang, 88300 Kota Kinabalu, Sabah	Tel: 088-232 171 or 088-242 171  Fax: 088-245171  e-mail: <a href="mailto:kshhilltop@gmail.com">kshhilltop@gmail.com</a>	26 April 2025	17

Appendix D

No .	Doctors	Address	For appointment	Valid till	DME Stamp No.
1.	Dr. Kang Tee Yong	Kang's Clinic Lot. 173, Jalan Song Thian Cheok, 93100 Kuching, Sarawak	Tel: 082-243 872  Fax: 082-416 590  e-mail: <a href="mailto:kangteeyong@gmail.com">kangteeyong@gmail.com</a>	26 April 2025	12
2.	Dr. Cheu Kuok Tuh	Klinik Dr Cheu SB, Suite 1.05, Ground Floor, Stirling, Lot 3608, Jalan Jee Foh 4, Off Jalan Bulan Sabit 98000 Miri, Sarawak.	Tel : 085-438068  Mob: 012-8516 396 or 016-3398 068  Fax: 085-438070  e-mail: <a href="mailto:cheukt1957@gmail.com">cheukt1957@gmail.com</a>	26 April 2025	13
3.	Dato Dr. Nuing Jeluing	Klinik Dr. Nuing 2188 Jalan Saberkas Utama Saberka Commercial Centre 98000 Miri, Sarawak	Tel: 085-622260 or Mob: 019-8250124  Fax: 085-622259  e-mail: <a href="mailto:cheukt1957@gmail.com">cheukt1957@gmail.com</a> <a href="mailto:klinikdrnuing@gmail.com">klinikdrnuing@gmail.com</a>	26 April 2025	18

**Appendix E**

No .	Doctors	Address	For appointment	Valid till	DME Stamp No.
1.	Dr. Medora Firdos	Medora Clinic & Surgery 115, Upper Paya Lebar Road, Singapore 534833	Tel: +6562880035  e-mail: <a href="mailto:firdosmedora@hotmail.com">firdosmedora@hotmail.com</a> <a href="mailto:medorafirdos@gmail.com">medorafirdos@gmail.com</a>	26 April 2025	15

**Appendix F**

No	Doctors	Address	For appointment	Valid till	DME Stamp No.
1.	Dr. Pall Singh A/L Teja Singh	Tun Hussein Onn Eye Hospital Lorong Utara B, 46200 Petaling Jaya, Selangor	Tel: 03-79562511  Fax: 03-79576128  e-mail: <a href="mailto:pallsingh@pallsingh.com.my">pallsingh@pallsingh.com.my</a>	26 April 2025	E 1



→ bayar untuk (Retiree - Muda, GFL Pulse)  
ATC adalah layak claim

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA,  
Public Service Department, Malaysia,  
TINGKAT 3 - 15, WISMA BERNAMA,  
3 - 15 Floor, Wisma Bernama,  
JALAN TUN RAZAK,  
5010 KUALA LUMPUR.

Telefon: 03 - 293844  
Telephone:  
Kawat: "FESTOFF KUALA LUMPUR"  
Cable:  
Teleks: MA 31581  
Telex:  
Fax: 603 - 2925ROR

*TP(1)*  
Untuk Tuan  
NOORDIN HJ SAAD, A.S.  
Pengerah  
Pertibidwala Trafik Udara  
Jabatan Penerbangan Awam  
Lot 13-A, Jalan 225,  
Malaysia  
46100 Petaling Jaya.  
Selangor.

(u.p.: En. Noordin bin Hj. Saad)

Tuan,

Pemeriksaan Kesihatan Pengawal Trafik  
Udara dan Juruterbang,  
Jabatan Penerbangan Awam



JABATAN PENGERBANGAN AWAM	
JAWATAN : TINDA LAJU	
1. KPTA	<input checked="" type="checkbox"/>
2. PTU	<input type="checkbox"/>
3. PPK	<input type="checkbox"/>
4. PP	<input type="checkbox"/>
5. PPS	<input type="checkbox"/>
6. PAS	<input type="checkbox"/>
7. CPUS	<input type="checkbox"/>
8.	<input type="checkbox"/>
9.	<input type="checkbox"/>
10.	<input type="checkbox"/>

Dengan hormatnya saya diarah merujuk surat tuan, Bil. (61)dlm. DCA/PTU. 5/01 #6  
Vol.2 bertarikh 9 Julai 1993 mengenai perkara di atas.

2. Permohonan tuan melalui surat tersebut telah diteliti dan ulasan Kementerian Kesihatan juga diperolehi. Berdasarkan pengesahan Kementerian Kesihatan bahawa pada masa ini pihaknya tidak mempunyai pakar dalam perubatan penerbangan yang mematuhi piawaian International Civil Aviation Organisation (I.C.A.O), Jabatan ini tiada halangan supaya pemeriksaan kesihatan seperti mana ditetapkan oleh I.C.A.O bagi Pengawal-pengawal Trafik Udara dan Juruterbang-juruterbang dijalankan di klinik-klinik swasta yang telah dilantik oleh Jabatan Penerbangan Awam. Perbelanjaan yang berkenaan bagi maksud pemeriksaan yang ditetapkan bolehlah dianggung daripada peruntukan Jabatan Penerbangan Awam. ~~Adalah dijanjikan bahawa pegawai berkenaan yang belum mencapai umur 40 tahun akan dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan dua tahun sekali secepat mungkin yang berusia 40 tahun ke atas setahun sekali.~~

Diterima oleh Pejabat Pos Terhad  
... made:



3. Sehubungan dengan perkara ini, pihak tuan diminta supaya menyemak dengan Kementerian Kesihatan (Bahagian Perkhidmatan Perubatan) dari semasa ke semasa untuk memastikan samada kemudahan tersebut boleh dilaksanakan oleh pihaknya. Pemeriksaan dengan pihak swasta boleh diteruskan sehingga ianya boleh dilaksanakan di hospital-hospital Kerajaan.

Sekian, dimaklumkan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ".

Saya yang menurut perintah.

*ccccccc*  
( TAN KEE KIAN )  
Bahagian Saran,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.  
Malaysia.

S.k.

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kewangan,  
Bahagian Pentadbiran,  
Jalan Duta,  
50592 Kuala Lumpur.

(u.p.: En. Khadizan bin Abdullah)

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan,  
Bahagian Perkhidmatan Perubatan  
Jalan Cenderasari,  
50590 Kuala Lumpur.


(u.p.: Dr. Shahidah Abdul Manaf)

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pengangkutan,  
Tingkat 5-7, Wisma Perdana,  
Jalan Dungun,  
50616 Kuala Lumpur.

/mira 5(su.3/wp)

**CARTA ALIR PROSES TUNTUTAN PERUBATAN (MEDICAL CLASS III)**

Berdasarkan surat edaran JPA : PERJ 7751/15A-13 Klt. 2/(38) bertarikh 10.09.1993





**KELAYAKAN TUNTUTAN BERTUGAS RASMI DALAM NEGERI BAGI  
PEMERIKSAAN KESIHATAN (CLASS 1 & 3 MEDICAL ASSESSMENT) UNTUK  
PENGAWAL TRAFIK UDARA & JURUTERBANG**

**BAHAGIAN A: MAKLUMAT PEGAWAI YANG MENUNTUT**

NAMA (HURUF BESAR):	
NO. KP:	NO. GAJI:
JAWATAN/GRED:	NO. TEL:
JABATAN/UNIT/BAHAGIAN:	
ALAMAT RUMAH:	

**BAHAGIAN B: BUTIRAN LESEN & PEMERIKSAAN KESIHATAN**

MEDICAL CLASS: [ 1 ] atau [ 3 ]	JAWATAN: PKTU [ ] JURUTERBANG [ ]
NO LESEN:	TARIKH TAMAT LESEN:

**BAHAGIAN C: BUTIRAN PERMOHONAN UNTUK PEMERIKSAAN KESIHATAN**

TERDAPAT KLINIK DME DI DALAM 25KM RADIUS DARI STESEN BEKERJA	YA [ ] TIDAK [ ]	
KEPERLUAN PENGINAPAN	YA [ ] TIDAK [ ]	
ALAMAT PENGINAPAN (jika berkaitan):		
PENGINAPAN BERADA DALAM JARAK YANG MUNASABAH DARI KLINIK		YA [ ] TIDAK [ ]
PENGANGKUTAN UNTUK KE PEMERIKSAAN KESIHATAN		KENDERAAN SENDIRI [ ] KAPAL TERBANG [ ]

**BAHAGIAN D: PENGAKUAN PEMOHON**

Dengan ini saya mengaku bahawa:	
<ol style="list-style-type: none"> <li>Klinik adalah salah satu dari senarai DME yang diluluskan oleh CAAM</li> <li>Pemeriksaan kesihatan untuk pembaharuan lesen dibuat dalam tempoh seperti yang tertera di dalam sijil kesihatan di dalam buku lesen</li> <li>Butir-butir seperti yang dinyatakan adalah benar dan saya bertanggungjawab terhadapnya</li> </ol>	
.....	

Nama:

Jawatan/ Gred :

Tarikh:

**BAHAGIAN D: KELULUSAN KETUA JABATAN**

Di dalam 25KM (radius) dari stesen Pegawai bekerja adalah disahkan bahawa **ADA / TIDAK ADA\*** klinik untuk pemeriksaan kesihatan yang diluluskan oleh CAAM seperti dalam senarai DME.

PERMOHONAN PEGAWAI	DILULUSKAN	TIDAK DILULUSKAN
a. Kelayaan Tuntutan Perjalanan Bagi Tugas Rasmi		
b. Permohonan Pengangkutan:		
<b>KENDERAAN SENDIRI / KAPAL TERBANG **</b>		
c. Permohonan Penginapan		

Catatan/Ulasan (jika berkenaan):

---



---

Sebarang kelulusan adalah sebagaimana kelayakan dan peraturan yang berkuat kuasa.


Nama & Cop Rasmi:

.....  
(Tandatangan)

Tarikh:

\* Potong yang mana tidak berkenaan

# **CARTA ALIR PEMERIKSAAN KESIHATAN (CLASS 1 & 3 MEDICAL ASSESSMENT) & TUNTUTAN BAYARAN BALIK**





**BORANG TUNTUTAN BAYARAN BALIK  
PEMERIKSAAN KESIHATAN BAGI PENGAWAL  
TRAFIK UDARA & JURUTERBANG**

<b>BAHAGIAN A: MAKLUMAT PEGAWAI YANG MENUNTUT</b>	
NAMA (HURUF BESAR):	
NO. KP:	
JAWATAN/GRED:	
NO. GAJI:	NO. TEL:
JABATAN/UNIT/BAHAGIAN:	
ALAMAT RUMAH:	
NAMA BANK:	NO. AKAUN BANK:
NO LESEN:	TARIKH TAMAT LESEN:
<b>BAHAGIAN B: PENGAKUAN PEMOHON</b>	
<p>1. Sukacita saya dengan ini memohon untuk menuntut bayaran balik caj perkhidmatan pemeriksaan perubatan yang telah saya lakukan pada _____, berjumlah RM_____</p> <p>2. Adalah disahkan bahawa saya telah menerima perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dan semua jumlah tersebut telah dibayar oleh saya.</p> <p>.....</p>	
Nama:	Jawatan/ Gred :
Tarikh:	
<b>BAHAGIAN C: PERAKUAN DAN KELULUSAN KETUA JABATAN</b>	
<p>Disahkan bahawa pegawai di atas telah membuat perbelanjaan atas urusan rasmi. Permohonan ini <b>DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN*</b>.</p> <p>.....</p> <p>Nama &amp; Cop Rasmi:</p>	
<p>(Tandatangan)</p> <p>.....</p> <p>Tarikh:</p>	
<p>* Potong yang mana tidak berkenaan</p>	

**KELAYAKAN STESEN BAGI TUNTUTAN BERTUGAS RASMI DALAM NEGERI  
UNTUK PEMERIKSAAN KESIHATAN (CLASS 1 & 3 *MEDICAL ASSESSMENT*)  
BAGI PENGAWAL TRAFIK UDARA DAN JURUTERBANG**

BIL	STESEN BIL	TERDAPAT KLINIK DME DALAM 25KM (RADIUS)	KELAYAKAN TUNTUTAN
1	Ibu Pejabat CAAM, Putrajaya	YA	TIDAK LAYAK
2	KLATCC, Sepang	YA	TIDAK LAYAK
3	KLIA	YA	TIDAK LAYAK
4	Menara Kawalan Subang	YA	TIDAK LAYAK
5	CAAM Caw. Alor Setar	TIDAK	LAYAK
6	CAAM Caw. Ipoh	TIDAK	LAYAK
7	CAAM Caw. Kota Bharu	TIDAK	LAYAK
8	CAAM Caw. Kuala Terengganu	TIDAK	LAYAK
9	CAAM Caw. Kerteh	TIDAK	LAYAK
10	CAAM Caw. Melaka	TIDAK	LAYAK
11	CAAM Caw. Johor Bahru	TIDAK	LAYAK
12	CAAM Caw. Pulau Pinang	TIDAK	LAYAK
13	CAAM Caw. Langkawi	TIDAK	LAYAK
14	CAAM Caw. Tioman	TIDAK	LAYAK
15	PW Sabah	YA	TIDAK LAYAK
16	CAAM Caw. Lahad Datu	TIADA	LAYAK
17	CAAM Caw. Kudat	TIADA	LAYAK
18	CAAM Caw. Sandakan	TIADA	LAYAK
19	CAAM Caw. Tawau	TIADA	LAYAK
20	PW Sarawak	YA	TIDAK LAYAK
21	CAAM Caw. Mulu	TIADA	LAYAK
22	CAAM Caw. Marudi	TIADA	LAYAK
23	CAAM Caw. Lawas	TIADA	LAYAK
24	CAAM Caw. Mukah	TIADA	LAYAK
25	CAAM Caw. Miri	YA	TIDAK LAYAK
26	CAAM Caw. Sibu	TIADA	LAYAK
27	CAAM Caw. Bintulu	TIADA	LAYAK
28	CAAM Caw. Limbang	TIADA	LAYAK